



**GARIS PANDUAN PENSIJILAN BAGI SIJIL HALAL
DAN LABEL HALAL BRUNEI DARUSSALAM**

**GARIS PANDUAN UNTUK
PENSIJILAN JURUAUDIT
PEMATUHAN HALAL**

**Majlis Ugama Islam
Negara Brunei Darussalam**

BCG Halal 3

Hak Cipta Terpelihara

Majlis Ugama Islam

Negara Brunei Darussalam

GARIS PANDUAN UNTUK PENSIJILAN JURUAUDIT PEMATUHAN HALAL

BCG Halal 3

Edisi Pertama 2007

ISBN 99917-38-40-1

ISI KANDUNGAN

Mukasurat

Ahli Jawatankuasa	ii
Ahli Kumpulan Kerja	iii
1. Skop	1
2. Definisi	1
3. Kelayakan Juruaudit	6
4. Kod Etika untuk Juruaudit	7
5. Terma dan Syarat Juruaudit	8
6. Proses Permohonan untuk Juruaudit	9
7. Skim Juruaudit	9
8. Jaminan Kerahsiaan	12
9. Penggantungan dan Pembatalan Juruaudit Berdaftar	13
10. Rujukan	14

Lampiran

1. Pendaftaran Juruaudit Pematuhan <i>Halal</i> – Borang Permohonan	16
2. <i>Log Audit Pematuhan Halal</i>	21
3. Prosedur untuk Menilai Juruaudit	22
3a Pensijilan untuk Laporan Penilaian Pematuhan Halal terhadap Juruaudit Pelatih(Audit Kecukupan)	24
3b Pensijilan untuk Laporan Penilaian Pematuhan Halal terhadap JuruauditPelatih (Audit Lapangan)	26
3c Pensijilan untuk Laporan Penilaian Pematuhan Halal terhadap Juruaudit	28
4. Contoh Surat Jaminan Kerahsiaan	30

Ahli Jawatankuasa

Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Standard dan Garis Panduan Kebangsaan bagi Makanan Halal telah diamanahkan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama untuk menyediakan Garis Panduan ini. Ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal adalah terdiri daripada:

Setiausaha Tetap (Pengerusi)	Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama
Setiausaha Majlis Ugama Islam (Timbalan Pengerusi Bersama)	Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
Pengarah Hal Ehwal Syariah (Timbalan Pengerusi Bersama)	Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
Pengarah Unit Perundangan Islam	Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan.
Pengarah Pertanian	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama
Ketua Bahagian Pembangunan Agro-Teknologi	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama
Ketua Bahagian Ternakan dan Perkhidmatan Veterinar	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama
Ketua Pegawai Penyelidik Ugama	Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.
Pegawai Ugama Kanan	Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
Pegawai Projek Kanan	Pusat Akreditasi dan Piawaian Kebangsaan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama
Timbalan Penasihat Undang-Undang	Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri.
Pegawai Tugas-tugas Khas	Kementerian Pembangunan.
Timbalan Dekan	Universiti Brunei Darussalam.
Pengurus	BMC Food Industries Sdn. Bhd.
Pengarah Eksekutif	PDS Abattoir Sdn. Bhd. dan PDS Meat Industries Sdn. Bhd.
Pengurus	Mulaut Abattoir Sdn. Bhd.
Pengurus	Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd.

Ahli Kumpulan Kerja

Kumpulan Kerja berkenaan Garis Panduan Pensijilan Halal, yang menyediakan Garis Panduan Pensijilan bagi Sijil Halal dan Label Halal Negara Brunei Darussalam adalah terdiri dari wakil-wakil berikut:

Pengiran Hajah Rosidah binti Pengiran Haji Metussin (Pengerusi)	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.
Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar	Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
Awang Haji Kasim bin Haji Mohamad	Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
Dayang Hajah Dahliana binti Hj. Aliakbar	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.
Pengiran Hajah Masliati binti PSJ Pengiran Haji Abdul Mumin	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.
Dayang Hajah Rokiah binti Haji Omar	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.
Dr. Kasumawati binti Haji Md. Ja'afar	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.
Dayang Hajah Roainah binti Haji Abdul Rahman	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.
Dayang Hajah Siti Raihani binti Haji Abdul Hamid	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.

1.0 SKOP

Garis panduan untuk Pensijilan Juruaudit Pematuhan Halal (BCG Halal 3) adalah salah satu garis panduan di bawah Garis Panduan Pensijilan untuk Sijil Halal dan Pelabelan Halal Brunei Darussalam (BCG Halal). Garis panduan ini di bawah bidang kuasa Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam (Majlis), yang memerlukan tempat sesebuah perniagaan untuk menubuhkan dan melaksanakan prosedur-prosedur Halal yang memenuhi Piawaian Brunei Darussalam untuk Makanan Halal PBD 24:2007 dan Garis Panduan Pensijilan untuk Sijil Halal dan Label Halal Brunei Darussalam (BCG Halal 1), diikuti dengan permohonan dan pemberian Sijil Halal dan Label Halal.

Garis panduan ini juga berguna kepada sesiapa yang berhasrat untuk mendaftar sebagai Juruaudit Pematuhan Halal di bawah Garis Panduan Pensijilan untuk Sijil Halal dan Label Halal Brunei Darussalam (BCG Halal). Tujuan pendaftaran ini adalah untuk menyediakan suatu kumpulan juruaudit bertauliah yang mempunyai kelayakan, kemahiran dan pengalaman yang bersesuaian bagi menjalankan kerja-kerja pengauditan Halal.

Skop garis panduan ini adalah untuk menyediakan kriteria dan prosedur-prosedur bagi pendaftaran Juruaudit Pematuhan Halal di bawah Majlis, Negara Brunei Darussalam.

2.0 DEFINISI

Bagi tujuan garis panduan ini, difinasi berikut hendaklah digunapakai:

2.1 Audit

Proses yang bersistematik, bebas dan didokumenkan untuk mendapatkan bukti audit (2.4) dan menilainya secara objektif bagi menentukan sejauh mana kriteria audit (2.3) telah dipenuhi. Audit akan dijalankan oleh juruaudit terlatih yang dilantik sebagai pemeriksa di bawah Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 bagi memastikan sama ada prosedur dan keperluan-keperluan Halal serta keputusan yang berkaitan mematuhi perkara yang dirancang dan sama ada rancangan ini telah dilaksanakan dengan efektif dan dipatuhi bagi memastikan makanan yang dikeluarkan adalah Halal menurut Hukum Syara'.

2.2. Juruaudit

Individu yang kompeten atau berkebolehan secara teknikal dalam mengaudit prosedur dan keperluan Halal, terutamanya dalam bidang teknologi pemprosesan makanan, dilantik secara formal oleh Menteri, atas perkenaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, sebagai pemeriksa di bawah Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005.

